

# Elak guna keganasan selesai masalah agama

MAR 1994

PETALING JAYA 21 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan pertubuhan agama di negara ini supaya menyelesaikan sesuatu masalah berhubung agama melalui perundingan dan bukannya melalui tunjuk perasaan atau keganasan.

Katanya, rakyat harus bersyukur kerana tiada keganasan yang meletus di kalangan pengikut agama yang berbeza di negara ini.

"Keadaan ini harus dipertahankan dan berharap persefahaman ini akan diteruskan di kalangan semua kaum," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap di Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-10 Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh, di sini, malam ini.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan, pertubuhan agama di negara ini juga harus memahami tindakan tegas kerajaan dalam setiap peraturan atau syarat yang ditetapkan olehnya berhubung aktiviti sesuatu pertubuhan tersebut.

"Kerajaan berharap pertubuhan-pertubuhan ini akan memahami dasar kerajaan kerana kita harus berhati-hati supaya kewibawaan negara tidak terjejas," katanya.

Dr. Mahathir berkata, banyak pemimpin di negara-negara tertentu mengamalkan sikap sederhana bagi menyatukan padukan semua kaum dan agama di negara berkenaan.

Tetapi, kata Perdana Menteri, usaha itu kadang kalanya gagal disebabkan oleh tekanan daripada pihak pelampau di negara mereka.

"Di Afrika Selatan, contohnya, kita sukar memahami kenapa begitu banyak pembunuhan berlaku walaupun pemimpinnya cuba mengelakkan keganasan.

"Bagaimanapun mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka sendiri ditekan oleh penyokong-penyokong mereka.

Katanya, di Malaysia keadaannya adalah berbeza walaupun ada perkara yang tidak berpuashati tetapi ia diselesaikan melalui musyawarah.